

Perubatan Islam

rawat barah

BH 15/2/14 MS 11



Oleh Nurul Hazren Masitom
nurulh@bh.com.my

» Ayat al-Quran ada aura, tingkatkan daya ketahanan tubuh

Mendengar penyakit barah saja sudah menggerunkan apatah lagi jika menghidapnya. Tak dapat dibayangkan kesakitan menanggung rawatan kemoterapi dan radioterapi. Kesan sampingan rawatan, termasuk hilang selera makan, loya, muntah, pitam dan rambut gugur sehingga botak.

Pemilik Pusat Rawatan

“Misalnya jika pesakit disahkan menghidap barah tahap satu atau dua, sesudah menjalani kemoterapi mungkin antara tiga hingga lima tahun, barah berulang.

tahun. Ada kes seorang pesakit barah payudara tahap satu menjalani mastektomi, kemoterapi sebanyak enam pusingan dan radioterapi, namun selepas lima, enam atau tujuh tahun, barahnya berulang,” katanya ketika memberi ceramah Perubatan Islam dan Rawatan Barah anjuran Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser (CARE) Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Lokman berkata, keberangkalian tinggi untuk barah berulang (relapse) adalah berdasarkan statistik pusat rawatannya yang menyimpan data pesakit.

Bacaan al-Quran

Beliau menjelaskan, bacaan ayat suci al-Quran, me-

selain berzikir, solat sunat kerana ini semua amalan yang mendekatkan diri kepada Allah. Allah yang mempunyai kuasa penyembuh, jika pesakit sudah melakukan mastektomi, kemoterapi atau radioterapi sekali pun jika Allah tak izinkan dia sembuh, maka dia tidak akan sembuh,” katanya yang mengakui air penawar membantu perawatan selepas dibaca ayat suci dan lebih baik jika air Zamzam digunakan.

Lokman berkata, setiap pesakit yang dirawat, diberi potongan ayat al-Quran berbeza mengikut tahap barah masing-masing dan perlu dibaca beberapa minggu sehingga

FAKTA

Soalan biasa mengenai barah berulang

- ❖ **Bolehkah seseorang pasti barah tidak akan berulang?**
Tidak, agak mustahil memberi jaminan seseorang yang selesai menjalani rawatan barah tidak mendapat semula penyakit itu.
- ❖ **Walaupun doktor berkata: “Barah sudah tiada” atau “Saya fikir saya sudah mengeluarkan semua sel barah” atau “Saya tidak melihat bukti ada barah”, Hakikatnya, sesetengah sel barah cenderung tinggal dalam tubuh dan hidup walaupun ia tidak boleh dilihat atau ditemui dalam mana-mana ujian yang digunakan pada hari ini. Dari semasa ke semasa, sel ini mula membesar dan menyebabkan barah berulang.**

tan Islam Al Hidayah, berkata masih belum ada penawar atau rawatan moden yang boleh menyembuhkan barah sepenuhnya.

Rawatan moden lemahkan sel barah

ni kerana, katanya, rawatan moden sedia ada hanya mampu melemahkan sel barah dan melambatkan proses metastasis (perebakan penyakit).

Malah, beliau mendakwa doktor sukar memberi jaminan pesakit bebas daripada barah sepenuhnya walaupun rawatan sudah habis kerana kebarangkalian tinggi untuk barah berulang masih ada.

“Rawatan moden seperti kemoterapi atau radioterapi hanya boleh melemahkan tetapi tidak boleh membinasakan sepenuhnya sel barah dalam tubuh seseorang.

“Jangan ingat sel barah tidak ada selepas rawatan kemoterapi, cuma ia mungkin tidak aktif. Jika pesakit lupa dan tidak menjaga pemakanan serta gaya hidup, sel itu akan merebak dan aktif semula, mungkin selepas dua atau tiga tahun.

“Sukar juga pesakit untuk dapati jaminan bebas daripada barah walaupun ada pesakit tahap satu yang bebas penyakit itu selepas lima

ngandung aura tertentu dan apabila dibaca ia akan meresap ke dalam tubuh pesakit dan meningkatkan daya ketahanan tubuh (antibodi) sekaligus mengelak serangan dan menyembuhkan sel berpenyakit.

“Alunan bacaan ayat suci memiliki gelombang dengan frekuensi tertentu yang mempengaruhi otak secara positif dan mengembalikan keseimbangan tubuh. Ini meningkatkan daya tahan tubuh untuk melawan penyakit seperti barah.

“Penggunaan ayat suci al-Quran adalah satu ibadat

INFO

Lima barah utama membatikan lelaki dan wanita Malaysia

- ☉ Payudara
- ☉ Kolorektal (usus)
- ☉ Paru-paru
- ☉ Serviks
- ☉ Nasofarinks (lelangit atas)

Kaedah rawatan:

- ☉ Membaca ayat suci al-Quran
- ☉ Banyakkan berdoa
- ☉ Solat sunat Taubat
- ☉ Solat sunat Tahajud
- ☉ Solat sunat Hajat
- ☉ Berzikir
- ☉ Air penawar

	Bangsa	Jantina
	Lelaki	Wanita
Melayu	4,058	4,753
Cina	4,078	4,422
India	629	1,065

“Saya akui ada pesakit tidak tahu baca al-Quran kecuali surah Yasin. Ini mereka kena belajar, ada juga yang tidak sabar melihat keberkesanan amalan bacaan al-Quran, perlu saya ingatkan bahawa untuk sembuh bukan seperti silap mata, pesakit perlu banyak bersabar,” katanya.

Jadi lebih tenang

Sementara itu, seorang penghidap barah payudara, Hayati Mohd Nasir, 54, mengakui amalan membaca al-Quran menjadikan dirinya tenang.

“Saya menghidap barah payudara tahap dua ketika usia saya 40 tahun pada 1999, kemudian pada 2008 saya mengalami relapse di hati, belakang, paru-paru dan paha.

“Masa disahkan mendapat barah payudara, saya menjalani rawatan kemoterapi dan radioterapi di hospital swasta. Namun, apabila barah berulang dan disahkan ia pada tahap empat, saya meminta dirujuk ke hospital kerajaan kerana masalah kos.

“Di hospital kerajaan, doktor mencadangkan saya menjalani kemoterapi tetapi saya serik dan hanya menjalani radioterapi untuk menopause dan pembedahan di paha. Sele-

- ☉ **Walaupun dianggap penyebab ketiga kematian awal di Malaysia**, hanya 30 hingga 40 peratus kematian akibat barah disahkan secara perubatan. Angka sebenar sebenar pesakit yang maut akibat barah tidak diketahui.
- ☉ **Dianggarkan, seorang bagi setiap empat rakyat Malaysia mendapat barah menjelang usia mereka 75 tahun.** Penemuan menunjukkan bahawa 10.3 peratus rakyat Malaysia berisiko menemui ajal akibat barah sebelum usia mereka mencapai 75 tahun.
- ☉ **Kurang 10 peratus barah berlaku di kalangan kanak-kanak** berbanding lebih 50 peratus lelaki dan 35 peratus wanita berusia 50 tahun dan ke atas.
- ☉ **Dianggarkan** hampir 40 peratus semua barah boleh dicegah.



bihnya saya mengamalkan bacaan ayat suci al-Quran sehingga sekarang, ketenangan membuatkan saya lupa saya adalah pesakit barah,” katanya yang bersyukur Allah memanjangkan umurnya selepas 14 tahun diserang penyakit itu.

